

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Isnin, 12 Februari 2024 | 2 Syaaban 1445 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) RM2



Wadah Pembaharuan

BH

Berita Harian

Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

Eksklusif


Ancaman Filariasis, Hepatitis C bawaan pekerja asing

Jumlah penghidap penyakit Filariasis (untut) dan Hepatitis C dalam kalangan pekerja asing meningkat sejak empat tahun lalu sehingga mendorong FOMEMA menambah tiga ujian bagi mengesan penyakit itu pada saringan kesihatan. Jangkitan Filariasis dihidapi pekerja asing di negara ini meningkat daripada 32.4 peratus kepada 43.9 peratus manakala kes Hepatitis C melonjak hampir lima kali ganda daripada 34 kes pada 2020 kepada 167 kes tahun lalu. *Oleh Fahmy A Rosli → Nasional 3*

Vaksin QDENGGA diluluskan untuk cegah demam denggi *Nasional 2*

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Penggunaan vaksin QDENGA diluluskan



Kes denggi



Produk boleh digunakan untuk individu umur empat tahun ke atas

Oleh Latifah Ariffin
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) ke-393 pada 8 Februari lalu memberikan kelulusan pendaftaran bersyarat kepada produk vaksin denggi, iaitu QDENGA untuk digunakan bagi mencegah penyakit itu dalam kalangan individu berumur empat tahun ke atas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, dalam kenyataan berkata produk itu dikilangkan oleh Takeda GmbH, Jerman dan pemegang pendaftaran produk (Produk Registration Holder atau PRH) ialah Takeda Malaysia Sdn. Bhd.

Beliau berkata, produk itu telah dipersetujui untuk didaftarkan secara bersyarat selepas PBKD berpuas hati dengan hasil penilaian ke atas keberkesanan, keselamatan dan kualiti produk yang dijalankan serta langkah pemantauan yang akan dijalankan oleh pihak PRH selepas produk didaftarkan.

Katanya, melalui pendaftaran bersyarat itu, dari semasa ke semasa, pihak PRH perlu mengemukakan data pemantauan keberkesanan dan keselamatan vaksin QDENGA setelah ia digunakan di pasaran Malaysia.

Ini bagi membolehkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan (KKM) membuat pemantauan berterusan ke atas kedua-dua aspek itu untuk memastikan perbandingan manfaat-risiko (*benefit over risk*) bagi vaksin QDENGA kekal positif.

Pada masa sama, katanya PBKD juga pada mesyuarat itu, buat kali pertama meluluskan

pendaftaran produk terapi sel dan gen (CGTP), iaitu Zolgensma, sejak kawalan ke atas produk itu dikuatkuasakan pada 1 Januari 2021.

Keutamaan penilaian NPRA

Katanya, kelulusan itu susulan penyakit atrofi otot spina (SMA) tersenarai dalam senarai penyakit jarang jumpa Malaysia dan produk Zolgensma yang digunakan untuk merawat penyakit berkenaan telah diberikan status Orphan Medicine.

"Ia melayakkan produk Zolgensma diberi keutamaan dalam proses penilaian oleh NPRA Kementerian Kesihatan bagi membolehkan akses segera kepada pesakit memerlukan," katanya.

Zolgensma ialah terapi gen berasaskan vektor adeno-associated, virus untuk tujuan rawatan kepada pesakit SMA dalam kalangan kanak-kanak berumur kurang dua tahun.

SMA sejenis penyakit jarang jumpa, neuromuskular yang diwarisi dan menyebabkan kelemahan kekuatan fizikal pesakit serta boleh menyebabkan kelumpuhan.

Sumber daripada
Buku Gerakan Danori Kesihatan Qdenga
Kementerian Kesihatan Malaysia (2023)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

3 ujian tambahan kesan Filariasis, Hepatitis C, salah guna dadah

FOMEMA laksana langkah kawal penyakit bawaan pekerja asing, elak bebaskan sistem kesihatan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.comy

Kuala Lumpur: Jumlah penghidap penyakit Filariasis (untut) dan Hepatitis C menunjukkan peningkatan di seluruh negara sejak empat tahun lalu, khususnya dalam kalangan pekerja asing.

Filariasis adalah penyakit bawaan cacing filaria yang menular daripada pelbagai jenis nyamuk dan sukar sembuh jika tidak ditangani dengan cepat, selain mengakibatkan risiko cacat kekal, terutama pada pembesaran kaki, lengan dan beberapa anggota lain.

Penyakit Filariasis atau penyakit kaki gajah berpunca daripada cacing berbentuk benang (pita) yang dipanggil filaria. Nyamuk yang menggigit pesakit dijangkiti filariasis limfatik (penyakit untut) akan menyebarkan penyakit itu melalui gigitan kepada individu lain.


Hepatitis C pula adalah penyakit berjangkit yang menjejaskan kesihatan terutama hati, yang disebabkan oleh virus Hepatitis C. Jangkitan ini sering kali tidak kelihatan/asimtomatik, tetapi boleh menyebabkan parut pada hati dan akhirnya sirosis.

Sirosis akan menyebabkan kegagalan hati dan barah hati yang mengancam nyawa.

Dapatan pemantauan Kementerian Kesihatan (KKM) sejak 2020 juga mendapati, trend penyalahgunaan dadah dalam kalangan pekerja asing di negara ini juga meningkat.

Peningkatan kedua-dua penyakit itu mendorong FOMEMA Sdn Bhd (FOMEMA) selaku agensi pemantau dan pemeriksaan perubahan pekerja asing, menetapkan tiga syarat baharu bagi saringan kesihatan terhadap mereka untuk terus bekerja di negara ini.

Menjelaskan tindakan itu, Ketua Pegawai Eksekutif FOMEMA, Dr Mohd Afiq Farhan Md Hanif, berkata penetapan tiga ujian tambahan bagi mengesan penyakit Filariasis dan Hepatitis C serta penyalahgunaan Methamphetamine dalam kalangan pekerja asing adalah pendekatan proaktif bagi mengawal penula-



Eksklusif

ran penyakit berkenaan di negara ini.

Langkah itu juga katanya, dapat membantu mengawal bebanan kos yang terpaksa ditanggung sistem penjagaan kesihatan awam negara.

Atas sebab itu, beliau berkata, penetapan kadar penyelarasan fi serta kekerapan pemeriksaan pekerja asing baharu dibuat selaras dengan penambahan tiga ujian saringan tersebut.

Ia termasuk pelaksanaan perkhidmatan masa pemrosesan yang lebih pantas (TAT), yang beliau jamin keputusan pemeriksaan perubahan boleh dikeluarkan dalam tempoh tujuh hari bekerja daripada tarikh pemeriksaan perubahan dibuat.

"Selaras garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), KKM menetapkan matlamat menghapuskan Filariasis sebagai masalah kesihatan awam menjelang 2025 dan HCV pada 2030. Tambahan dalam ujian pemeriksaan kesihatan adalah antara usaha diambil untuk men-

capai matlamat itu.

"Malaysia antara negara yang mempunyai sistem kesihatan awam terbaik di Asia Tenggara. Justeru, aspek penjagaan kesihatan awam memperoleh subsidi yang besar dalam belanjawan dan ini adalah beban yang ditanggung rakyat Malaysia.

"Adalah tidak adil bagi rakyat Malaysia menanggung beban penjagaan kesihatan pekerja asing di pusat kesihatan awam, walaupun kadar dibayar warga asing lebih tinggi, tetapi masih lagi mendapat subsidi tinggi.

"Justeru, keputusan FOMEMA menambah tiga ujian kesihatan setiap tahun ini dibuat dengan mengambil kira kos beban penjagaan kesihatan dan keselamatan kepada negara dan rakyat Malaysia," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian menanggapi kritikan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) yang membantah tindakan FOMEMA menaikkan kadar yuran dan kekerapan pemeriksaan perubahan pekerja asing tanpa sebarang perbincangan dengan pihak berkepentingan.

Yuran pemeriksaan kesihatan naik hingga 14 peratus

Presiden MEF, Datuk Dr Syed Hussain Syed Yusman dilaporkan berkata, FOMEMA menaikkan yuran pemeriksaan kesihatan antara 10 hingga 14 peratus dan dengan anggaran dua juta pekerja asing di negara ini, majikan perlu menanggung kira-kira RM414 juta setahun untuk pemeriksaan kesihatan pekerja asing.

Keputusan FOMEMA menambah tiga ujian kesihatan setiap tahun ini dibuat dengan mengambil kira kos beban penjagaan kesihatan dan keselamatan kepada negara dan rakyat Malaysia

Mohd Afiq Farhan Md Hanif,
Ketua Pegawai Eksekutif FOMEMA



Hepatitis C

- Disebabkan oleh jangkitan virus hepatitis C (HCV) yang menyerang hati.
- HVC tersebar melalui kontak dengan darah yang dijangkiti seperti berkongsi jarum suntikan, pemindahan darah yang dijangkiti atau seks tanpa kondom dengan orang yang dijangkiti.
- Kebanyakan kes menyaksikan Hepatitis C berkembang menjadi penyakit hati yang kronik seperti sirosis, barah dan kegagalan hati.
- Pencegahan menerusi pencegahan kontak dengan darah yang dijangkiti, tidak kongsi jarum suntikan atau benda tajam yang boleh menyebabkan luka dan seks sihat.

Berdasarkan rekod, lapan negeri diklasifikasikan sebagai endemic penyakit Filariasis, iaitu Kedah, Perak, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Pahang.

Sepanjang empat tahun lalu, data menunjukkan kes Filariasis dihidapi pekerja asing di negara ini meningkat daripada 32.4 peratus dan mencecah 43.9 peratus daripada keseluruhan kes yang dilaporkan.

Bagi Virus Hepatitis C (HCV), kes membabitkan pekerja asing di negara ini melonjak hampir lima kali ganda, daripada 34 kes pada 2020 kepada 167 kes tahun lalu.

Dengan perangkaan itu sekali gus menunjukkan kemungkinan terdapat jangkitan pada pekerja dari negara asal mereka, menyaikan beban penyakit ini terhadap sistem kesihatan negara adalah signifikan.

Sebagai contoh, kos rawatan selama 12 minggu untuk Hepatitis C di negara ini, boleh mencecah sehingga RM356,000.

Kes penyalahgunaan dadah di negara ini turut dikesan semakin meningkat setiap tahun apabila data menunjukkan peningkatan sebanyak 11.4 peratus kepada 137,176 kes dilaporkan pada 2022.

Mengulas lanjut syarat baharu dikenakan kepada pekerja asing, Dr Mohd Afiq Farhan Md Hanif, berkata, pemeriksaan perubahan tahunan memastikan status kesihatan pekerja asing dapat dipantau secara berkala.

Beliau berkata, dengan mengesan dan merawat penyakit pada peringkat awal, beliau optimis pihak berkuasa dapat mengambil langkah pencegahan untuk melindungi pekerja asing dan penduduk tempatan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : LOKAL

Kota Bharu: Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya melakukan pembedahan penggantian aorta akibat koyakan aneurisma aorta torasik akut dengan hanya menggunakan peralatan asas.

Pembedahan melalui prosedur Bentall berkenaan dilakukan ke atas pesakit lelaki berusia 35 tahun oleh pasukan kardiotorasik Hospital USM pada 30 Januari lalu.

Pakar Kardiotorasik Hospital USM, Dr Ahmad Zuhdi Mamat berkata, kebiasaannya kes itu akan menjalani pembedahan di Institut Jantung Negara (IJN) kerana mempunyai kepakaran dan kelengkapan peralatan lebih canggih.

"Bagaimanapun dengan hanya menggunakan peralatan asas, kami mampu melaksanakan pembedahan bagi kes kecemasan sebegini dengan kepakaran dan peralatan yang dimiliki. Pembedahan mengambil masa lebih tujuh jam dan ia adalah hasil kerja berpasukan pelbagai disiplin," katanya.

Dr Ahmad Zuhdi berkata, prosedur Bentall kebiasaannya dilakukan ke atas pesakit yang mengalami pembengkakan atau koyakan aorta disebabkan oleh sindrom Marfan, iaitu penyakit genetik yang menyebabkan dinding aorta menjadi lemah dalam kalangan pesakit muda.

Menurutnya, prosedur

Hospital USM berjaya ganti aorta guna peralatan asas

ini juga membawa risiko tinggi kerana kebanyakan pesakit terpaksa dibedah dalam keadaan kecemasan dan memerlukan keperluan teknikal yang tinggi.

Katanya, ia dilakukan sebagai pembedahan jantung terbuka di mana pesakit diletakkan di bawah bius am dan disambung

kepada mesin pintasan jantung dan paru-paru.

"Pakar bedah kemudian menghentikan jantung dan aliran darah diambil-alih oleh mesin jantung.

"Ketika pembedahan dijalankan, mesin

berkenaan mengambil-alih sementara fungsi jantung dan paru-paru serta memainkan peranan untuk mengekalkan peredaran darah dan tahap oksigen pesakit. Aorta dan inaj yang rosak kemudian dibuang dan digantikan dengan cantuman buatan komposit aorta dan inaj aorta serta arteri koronari ditanam semula di pangkal aorta tiruan berkenaan," katanya.

"Pembedahan mengambil masa lebih tujuh jam dan ia adalah hasil kerja berpasukan pelbagai disiplin"
Dr Ahmad



DR Ahmad menerangkan kaedah pembedahan penggantian aorta akibat koyakan aneurisma aorta torasik akut atau *acute dissecting thoracic aneurysm*.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : K2



JAUNDIS atau kuning pada kulit atau mata adalah antara gejala penyakit kanser hati. - GAMBAR HIASAN

'Hati berparut' yang mengundang maut



Rencana Utama

Oleh FARID AHMAD TARMIJJI

MUDAH letih dan kerap muntah, itulah yang sering dirasai oleh seorang ibu muda dari Tanah Merah, Kelantan.

Setelah mendapatkan rawatan di hospital, barulah wanita berusia 32 tahun itu mengetahui rupa-rupanya dirinya menghidap kanser hati tahap empat.

Menurutnya, kehidupannya juga banyak di atas kerusi roda kerana tidak boleh bergerak.

"Tidur juga kini di atas kerusi roda kerana akan mengalami sesak nafas yang teruk sekiranya baring, malah pergerakan juga terbatas apabila tidak dapat berjalan kerana kaki bengkak.

"Saya tidak menyangka penyakit ini terus berada pada tahap empat," katanya.

Itulah kisah pilu mengenai Rohaida Abdullah yang pernah dilaporkan Kosmo/ sebelum ini setelah dia disahkan menghidap kanser hati tahap empat.

Pada November lalu pula, vokalis kumpulan Jinbara, Tia dilaporkan meninggal dunia kerana kanser hati.



DR. KHAIRUL NAJMI

Kanser hati kini merupakan kanser kelima paling lazim di Malaysia dan terdapat peningkatan trend global kematian akibatnya.

Hati ialah satu organ terletak pada bahagian kanan atas abdomen dan di bawah tulang rusuk kanan. Hati penting dengan berfungsi memastikan badan bebas daripada toksin.

Kanser hati berlaku apabila sel abnormal di dalam hati mula membahagi dan membesar secara tidak terkawal.

Melihat signifikan kanser hati ini, Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UKM) dengan kerjasama Akademi Perubatan Malaysia (AMM) telah mengambil inisiatif menganjurkan Hari Kesedaran Kanser Hati sempena Hari Kanser Sedunia 2024 baru-baru ini. Hari Kanser Sedunia disambut setiap 4 Februari.

Program bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kanser hati itu dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Menurut Institut Kanser Negara, kanser hati sering kali tidak menunjukkan apa-apa gejala pada peringkat awal. Bagaimanapun, pesakit mungkin alami salah satu tanda antaranya rasa sakit pada bahagian kanan perut, perut kembung, hilang selera makan, letih, muntah-muntah dan jaundis (kuning di bahagian mata dan kulit).

Terdapat dua jenis kanser hati iaitu kanser hati primer iaitu kanser bermula dari organ hati sendiri dan kanser hati sekunder iaitu kanser hati yang merebak daripada kanser lain seperti kanser payudara, perut dan usus.

Mengulas lanjut, pakar Gastroenterologi dan Hepatologi di Fakulti Perubatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Khairul Najmi Muhammad Nawawi menjelaskan, kanser hati menjadi 'pembunuh senyap' memandangkan tiada gejala khusus yang dialami



Kebanyakan pesakit tidak menyedarinya kerana gejala kanser hati mungkin tiada pada diri mereka."

DR. KHAIRUL NAJMI

pesakit pada peringkat awal.

Menurutnya, kebanyakan pesakit tidak menyedari, kerana gejala kanser hati mungkin tiada pada diri mereka.

"Tetapi apabila simptom itu sudah ada, kanser hati yang mereka alami sudah berada pada tahap agak teruk.

"Boleh dikatakan apabila kanser hati dikesan ia sudah berada pada tahap tiga dan empat," katanya.

Dr. Khairul Najmi memberitahu, jika ada simptom, kebiasaannya simptom-simptom kanser hati termasuklah rasa lemah atau letih, hilang selera makan, susut berat badan dan lain-lain lagi.

Mengenal faktor risiko pula, jelasnya,

faktor risiko kepada kanser hati ini adalah disebabkan hati berparut atau dalam istilah perubatan, sirosis hati.

"Punca kepada sirosis hati ini antaranya disebabkan hepatitis B dan C dan gejalanya adalah jaundis, mudah berdarah, perut busung, kaki bengkak dan muntah berdarah," terangnya.

Tambahnya, hepatitis B dan C ini hanya boleh dikesan dengan melakukan ujian darah.

Sementara itu, faktor risiko lain yang membawa kepada kanser hati adalah disebabkan oleh penyakit hati berlemak.

Peningkatan kadar obesiti di kalangan masyarakat negara ini juga boleh menjadi sesuatu yang membimbangkan.

Hati berlemak ini mungkin akan menjadi punca utama kepada masalah kanser hati tidak lama lagi jika tidak ada kesedaran untuk mengatasinya.

Mengulas akan hal tersebut, Dr. Khairul Najmi berkata, amalan gaya hidup tidak sihat menjadi punca kanser kepada badan berlebihan atau obesiti kalangan masyarakat di negara ini.

"Obesiti ini sebenarnya boleh membawa kepada masalah hati

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : K2



DR. DZULKEFLY semasa merasmikan Hari Kesedaran Kanser Hati di Kuala Lumpur baru-baru ini.



DR. DZULKEFLY

Kanser hati melonjak seiring obesiti

BERBICARA tentang kanser, ia merupakan antara penyakit tidak berjangkit yang menjadi punca kematian di seluruh dunia.

Malah, Malaysia sendiri tidak terlepas daripada belenggu masalah itu dan kanser hati juga turut menyumbang kepada kadar kematian akibat kanser.

Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pada masa ini, kanser hati adalah salah satu daripada lima kanser paling lazim di Malaysia selain kanser payudara, kolorektal, paru-paru dan nasofaring.

Menurutnya, kanser hati primer, yang bermula dari dalam hati itu sendiri, malangnya mempunyai salah satu prognosis yang paling teruk kerana ia sering didiagnosis pada peringkat lewat apabila gejala telah muncul.

"Kadar kematian akibat kanser hati melonjak secara global, didorong oleh wabak obesiti dan diabetes.

"Hepatitis B adalah penyebab paling lazim untuk kanser hati primer di seluruh dunia dan Malaysia menyumbang 44 peratus daripada kes kanser hati, diikuti rapat oleh penyakit hati berlemak dengan 42 peratus," katanya ketika merasmikan Hari Kesedaran Kanser Hati baru-baru ini.

Tambahnya, laporan *World Obesity Atlas 2023* juga menyatakan bahawa Malaysia bakal mengalami peningkatan 'sangat tinggi' dalam kadar obesiti dewasa dan kanak-kanak.

Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan terkini melaporkan prevalensi berat badan berlebihan dan obesiti pada kadar 50 peratus untuk dewasa dan 30 peratus pada kanak-kanak dan diramalkan meningkat setiap tahun.

"Namun, kanser hati boleh dicegah sama ada melalui imunisasi Hepatitis B atau rawatan awal penyakit hati yang dikesan pada pesakit. Oleh itu, saringan awal adalah sesuatu yang penting dan kemudian dapatkan rawatan yang perlu sampai ke peringkat keberkesanan," jelasnya.

berlemak dan seterusnya menjadi faktor risiko kepada kanser hati.

"Sel-sel lemak akan menyebabkan berlakunya keradangan hati dan apabila ia berlarutan untuk satu tempoh masa ia juga akan menyebabkan parut pada hati (sirosis) dan mengakibatkan kanser hati," terangnya.

Berbanding kanser-kanser lain, perkembangan kanser hati ini tidaklah terlalu drastik.

Dr. Khairul Najmi menjelaskan, disebabkan perkembangannya yang perlahan itu membolehkan sesuatu boleh dilakukan untuk mengawalinya.

"Untuk tahap satu dan dua kita akan memberikan rawatan dengan sasaran untuk pesakit sembuh dan kita juga perlu mengawalinya.

"Kebarangkalian untuk sembuh itu ada dan kita akan terus kawalnya, jika tidak dikawal kebarangkalian untuk kanser ini ada balik tetap ada.

"Bagi tahap agak serius, walaupun kita tidak dapat untuk menyembuhkannya tetapi ia masih boleh dikawal, contohnya kita jangan bagi kanser itu besar.

"Sebenarnya rawatan untuk kanser hati ini melibatkan pelbagai disiplin dan pelbagai pasukan yang terlibat termasuk pasukan pakar bedah dan radiologi.

"Jika sel kanser itu masih kecil, kita boleh bedah iaitu potong dan membuangnya, begitu juga jika hati



ATAS: ORANG ramai mendapat pelbagai maklumat mengenai kanser terutama kanser hati dalam program Hari Kesedaran Kanser Hati.

BAWAH: Pemeriksaan kesihatan adalah salah satu langkah untuk mengesan kehadiran penyakit yang memerlukan rawatan segera.

telah keras kita mungkin boleh lakukan pemindahan hati dan ada lagi rawatan lain untuk mengawalinya," terangnya.

Selain itu, kanser hati juga boleh dirawat melalui rawatan onkologi.

Pakar Klinikal Onkologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM, Dr. Khairiyah Sidek berkata, rawatan ini diberikan apabila rawatan seperti pembedahan dan lain-lain tidak lagi sesuai untuk pesakit mengawal kanser.

"Jadi, rawatan onkologi terbahagi kepada rawatan sistemik iaitu ubat ubatan dan juga rawatan setempat iaitu radioterapi, namun ia jarang digunakan.

"Rawatan ubat-ubatan yang selalunya diberikan adalah sejenis terapi disasarkan atau imunoterapi," jelasnya.

INFO

Kanser hati

- Kini merupakan salah satu daripada lima kanser yang paling lazim di Malaysia dan merupakan antara punca utama kematian melibatkan kanser
- Berlaku apabila sel abnormal di dalam hati mula membahagi dan membesar secara tidak terkawal
- Dikatakan menjadi 'pembunuh senyap' memandangkan tiada gejala khusus yang dialami oleh pesakit pada peringkat awal



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

KKM lulus vaksin denggi QDENGA

Untuk digunakan bagi individu berusia empat tahun dan ke atas

Oleh NOR SYAMIRA LIANA
NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-393 meluluskan pendaftaran bersyarat kepada produk vaksin denggi iaitu QDENGA untuk digunakan bagi individu berumur empat tahun dan ke atas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, produk berkenaan telah dipersetujui untuk didaftarkan selepas PBKD berpuas hati dengan hasil penilaian keberkesanan, keselamatan dan kualiti produk yang dijalankan pemegang pendaftaran produk (PRH).

"Melalui pendaftaran bersyarat ini, pihak PRH perlu mengemukakan data pemantauan keberkesanan dan keselamatan vaksin QDENGA setelah ia digunakan di pasaran Malaysia.

"Ini membolehkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) membuat pemantauan berterusan ke atas kedua-dua aspek tersebut untuk memastikan perbandingan manfaat

“

Melalui pendaftaran bersyarat ini, pihak PRH perlu mengemukakan data pemantauan keberkesanan dan keselamatan vaksin QDENGA setelah ia digunakan di pasaran Malaysia."

- Dr Muhammad Radzi



risiko bagi vaksin QDENGA kekal positif," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah Dr Muhammad Radzi, vaksin QDENGA dikilangkan oleh Takeda GmbH di Jerman dan Takeda Malaysia Sdn Bhd adalah PRH bagi produk itu.

Sementara itu, mesyuarat (PBKD) turut bersetuju memberikan kelulusan pendaftaran produk terapi sel dan gen (CGTP), Zolgensma, sejak kawalan ke atas produk itu dikuatkuasakan pada 1 Januari 2021.

Beliau berkata, Zolgensma ialah terapi gen berasaskan vektor adeno-associated virus untuk merawat Spinal Muscular Atrophy (SMA) bagi pesakit kanak-kanak berumur kurang daripada dua tahun.

Menurutnya, SMA adalah sejenis penyakit jarang jumpa neuromuskular yang diwarisi dan menyebabkan kelemahan kekuatan fizikal pesakit

serta boleh menyebabkan kelumpuhan.

"Penyakit itu tersenarai dalam Senarai Penyakit Jarang Jumpa Malaysia dan produk Zolgensma yang digunakan untuk merawat penyakit tersebut telah diberikan status Orphan Medicine.

"Ia yang melayakkan produk berkenaan diberi keutamaan dalam proses penilaian oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi membolehkan akses segera kepada pesakit memerlukan," ujarnya.

Jelas beliau, produk Zolgensma dikilangkan oleh Novartis Gene Therapies, Inc di Durham, Amerika Syarikat dan Novartis Corporation (Malaysia) Sdn Bhd PRH.

Tambahnya, KKM akan terus komited dengan pelbagai usaha untuk mempertingkatkan akses rakyat kepada ubat-ubatan yang berkualiti, selamat dan berkesan.

Kes denggi menurun, satu kematian dilaporkan

PUTRAJAYA - Jumlah kes demam denggi menurun kepada 3,631 pada Minggu Epidemiologi ke-06 (ME06) 2024 iaitu bagi tempoh 4 hingga 10 Februari lepas berbanding 3,969 kes pada minggu sebelumnya dengan satu kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan hingga ME06 adalah sebanyak 22,058 kes berbanding 13,094 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

"Terdapat 10 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding sembilan kematian bagi tempoh yang sama pada 2023," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, bilangan lokaliti lokasi panas yang dilaporkan pada ME06 adalah sebanyak 199 lokaliti berbanding 180 pada minggu sebelumnya.

Dr Muhammad Radzi berkata, daripada 199 lokaliti itu, sebanyak 158 terdapat di Selangor, 18 lokaliti di Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan (10), Perak (enam), masing-masing dua lokaliti di Pulau Pinang dan Kedah, serta Pahang, Johor dan Sabah masing-masing mencatatkan satu lokaliti.

Ujarnya, bagi survelan chikungunya, tiada kes direkodkan pada ME06 dan jumlah kumulatif kes itu sehingga kini ialah tiga kes.

"Berdasarkan trend kes denggi sejak 10 tahun lepas, kes demam denggi pada kebiasaannya akan memuncak pada setiap empat atau lima tahun dan peningkatan ini telah mula dilihat pada 2023 dan dijangka terus meningkat tahun ini," jelasnya. - *Bernama*